

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
(JABATAN TENAGA KERJA MUAR)
JOHOR DARUL TAKZIM

OLEH

STI ZALHA BINTI KUSHAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100045533

CH: 5258

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang Siti Zalina binti kushan.		No. Panggilan L105 PPE / 2004	
Judul latihan industri di Kementerian sumber			
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

911 5258



LI 23 FPE I 2004



1100045533
Laporan akhir latihan industri di Kementerian Sumber Manusi
(Jabatan Tenaga Kerja Muar) Johor / Siti Zaliha Kushan.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045533		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
(JABATAN TENAGA KERJA MUAR)
JOHOR DARUL TAKZIM**

Oleh

SITI ZALIHA BINTI KUSHAN

Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2004

1100045533

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya SITI ZALIHA BINTI KUSHAN (UK 6542) telah mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil karya saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Manakala pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan;



.....

Nama : Siti Zaliha Binti Kushan

Tarikh : 14 Oktober 2004.

Disahkan Oleh ;



.....

Cik Nor Hayati Binti Sa'at

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi KUSTEM.

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
Penghargaan	i
Ringkasan Eksekutif	ii
Senarai Singkatan Perkataan	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Carta	iv
BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Visi	2
1.1.2 Misi	2
1.1.3 Slogan dan Logo Jabatan	3
1.1.4 Objektif	3
1.1.5 Strategi	4
1.2 Maklumat Organisasi	5
1.3 Carta Organisasi	
1.3.1 Carta Organisasi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	7
1.3.2 Carta Organisasi Jabatan Tenaga Kerja Muar	8
1.4 Fungsi dan Aktiviti Organisasi	9
1.5 Objektif Latihan Industri (praktikal)	10
1.6 Analisis Kemahiran Yang Dipelajari	11
BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH	19
2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	19
2.1.1 Mengesan Sistem Kerja Di Bahagian Pentadbiran	19
2.1.2 Mengesan Sistem Kerja Di Bahagian Operasi	25
2.1.3 Mengesan Sistem Kerja Di Bahagian Kewangan	30
2.2 Pengenalpastian Masalah	30

2.3	Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	34
2.3.1	Rumusan Analisis dan Perbincangan	34
2.3.2	Cadangan Penyelesaian	37
2.3.3	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	41
BAB 3 :	ANALISIS POLISI DAN DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH ORGANISASI	45
3.1	Dasar Kualiti Jabatan Tenaga Kerja	46
3.2	Undang-undang Yang Dikuatkuasakan	48
3.3	Piagam Pelanggan	51
3.4	Perancangan dan Perlaksanaan Polisi Organisasi	52
BAB 4 :	PENUTUP	57

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah

Bersyukur kita ke hadrat illahi, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta para sahabat baginda sehingga ke hari kemudian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Cik Nor Hayati Binti Sa'at selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM serta penyelaras bagi program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial di atas tunjuk ajar dan khidmat nasihat yang telah diberikan maka laporan ini mampu disiapkan dengan sebaik mungkin. Ucapan ini juga ditujukan khas kepada semua kakitangan di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) khususnya Pn. Asmawati Bt. Ngah bagi urusetia program ini kerana memberi komitmen yang jitu dalam menempatkan para pelajar ke tapak latihan industri yang diinginkan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada para pegawai di Jabatan Tenaga Kerja Muar khususnya kepada En. Md. Nor Bin Yaakob dan Pn. Habibah Binti Omar selaku Penyelia Industri di atas kesudian mereka menerima saya menjalani Latihan Industri di agensi yang telah dipilih. Rakaman terima kasih ini juga ditujukan khas kepada semua kakitangan yang berkhidmat di JTK Muar sama ada di Bahagian Pentadbiran mahupun di Bahagian Khidmat Nasihat kerana sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna sepanjang saya menjalani latihan di agensi tersebut. Insyaallah segala tunjuk ajar yang kalian berikan akan menjadi panduan untuk saya mengharungi realiti alam pekerjaan kelak.

Sekalung budi diucapkan buat ayah dan bonda tersayang, terima kasih di atas segala pengorbanan dalam membantu anakanda menggapai impian yang diinginkan. Tidak lupa juga buat insan-insan yang diingati yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan praktikal dalam jangka masa yang ditetapkan. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan buat teman-teman seperjuangan di atas kesudian saudara/saudari berkorban masa dan tenaga serta berkongsi idea dan maklumat sepanjang saya menyiapkan laporan ini.

Semoga jasa kalian semua akan dirahmati oleh-Nya.

Wassalam.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Latihan Industri merupakan salah satu pendekatan yang disusun oleh pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) khusus mendedahkan kepada pelajar tentang realiti alam pekerjaan yang bakal ditempuhi. Oleh yang demikian pihak universiti khasnya dari program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial telah mewajibkan agar menjalani Latihan Industri (praktikal) selama 12 minggu bermula 22 Mac sehingga 12 Jun 2004.

Umumnya Latihan Industri ini adalah bertujuan memberi kemahiran asas tentang etika profesionalisme di samping pengalaman yang bakal diperoleh semasa pelatih mengaplikasikan subjek yang telah dipelajari sepanjang pengajian di universiti sekaligus mengaplikasikannya ke alam pekerjaan. Di samping itu, objektif latihan yang dirangka ini membolehkan pelajar untuk mempamerkan kemahiran dan kebolehan di alam pekerjaan sekaligus mencari peluang pekerjaan setelah bergelar graduat kelak.

Selama 12 minggu Latihan Industri telah dijalankan di Jabatan Tenaga Kerja Muar (JTK), di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia (KSM). JTK Muar dutubuhkan berlandaskan objektifnya untuk membangunkan sumber manusia/guna tenaga yang berversatile serta mewujudkan suasana perburuhan yang kondusif di bawah Undang-undang Perburuhan yang telah dikuatkuasakan. Di bawah KSM ini juga terdapat Jabatan Perhubungan Perusahaan yang turut serta dalam menjaga kebajikan dan hak-hak golongan pekerja khususnya di sektor swasta.

Sebagai salah sebuah Jabatan yang akan terus berkembang di era globalisasi, JTK Muar turut menghadapi pelbagai permasalahan dalam melicinkan operasinya terhadap orang ramai. Masalah yang wujud khususnya di Bahagian Pentadbiran, Operasi dan Kewangan seharusnya ditangani dengan lebih efektif. Oleh itu, beberapa cadangan penyelesaian telah diutarakan supaya ia dapat menjadi panduan terhadap pihak Jabatan supaya lebih berdaya saing khususnya dalam pembangunan sumber manusia di Malaysia.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri yang telah dijalankan telah banyak memberi pendedahan kepada pelatih tentang sistem pengurusan yang digunakan oleh sesebuah organisasi adalah berbeza. Selain itu, pengalaman dan kemahiran yang telah diperoleh oleh pelatih sedikit sebanyak memberi gambaran tentang situasi dan senario sebenar alam pekerjaan yang perlu dilalui. Akhir sekali, diharap latihan seumpama ini akan diteruskan dan diperluaskan skopnya pada masa hadapan.